

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai nama-nama 30 pakar daripada pelbagai industri yang telah dilantik pada September 2019 untuk menyertai program *Academia Industry Expert Exchange Program* (AixPERT).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Program **AixCHANGE** telah diperluaskan dengan pelaksanaan ***Academia Industry Expert Exchange Program*** (AixPERT). Program AixPERT ini melibatkan pertukaran kepakaran dan pengalaman antara pihak industri dan universiti dalam usaha untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sebagai langkah permulaan, seramai 12 orang pensyarah dari enam (6) universiti awam iaitu UniMAP, USM, UTM, UPM, UiTM dan UTHM telah dipilih dalam program *visiting faculty member* di INTEL bermula dari 24 Jun hingga 30 Ogos 2019 di Intel Malaysia. Program AixPERT akan diperkembangkan lagi pada tahun 2020 dengan penyertaan lebih ramai pakar-pakar daripada pihak industri yang akan menyumbangkan pengetahuan serta pengalaman mereka ke arah meningkatkan mutu pendidikan tinggi di negara ini.